

### ELEMENTS OF TOURISM IN SIRAH NABAWIYYAH: ANALYSIS ON AL-RAHIQ AL-MAKHTUM BY SAFI AL-RAHMAN AL-MUBARAKFURI

#### ELEMEN-ELEMEN PELANCONGAN DALAM SIRAH NABAWIYYAH: ANALISIS TERHADAP KITAB AL-RAHIQ AL-MAKHTUM KARANGAN SAFI AL-RAHMAN AL-MUBARAKFURI

Abdul Wahab Md Ali<sup>1</sup>, Wan Mohd Yusof Wan Chik<sup>2</sup>, Ahmad Wafee Sulaiman<sup>3</sup> & Muhammad Hafizuddin Ghani<sup>4</sup>

- <sup>1</sup> (*Corresponding author*). Pensyarah, Pusat Pengajian Teras, Universiti Sultan Zainal Abidin. abdwahabali@unisza.edu.my
- <sup>2</sup> Profesor Madya, Felo Penyelidik Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin. mohdyusof@unisza.edu.my
- <sup>3</sup> Pensyarah, Kolej Universiti TATI (TATIUC). ahmadwafee.uctati@edu.my
- <sup>4</sup> Pensyarah, Pusat Pengajian Teras, Universiti Sultan Zainal Abidin. hafizuddinghani@unisza.edu.my

**Vol. 10. No. 1**  
**April Issue**  
**2021**

#### **Abstract**

*The World Tourism Organization (WTO) defines tourism as any activity that involves the process of traveling and settling in a place that is outside from their residency for less than a year, whether for recreational, business or other purposes. This general definition is seen to be very consistent with the concept of tourism in Islam which is summarized in certain terms such as al-siyahah, al-rihlah, al-safar and al-ziarah. In the context of Islamic history and civilization, tourism activities based on the definition mentioned earlier are not something new. In fact, it has been existed for ages and become part of lifestyle by Prophet Muhammad SAW and the Muslim community in the past. Thus, this study will focus on the elements of tourism that exist in the sirah of the Prophet SAW in general. This qualitative study was made with reference to a sirah book entitled "al-Rahiq al-Makhtum" by Safi al-Rahman al-Mubarakfuri. The information obtained will be analyzed inductively, deductively and comparatively by comparing to the elements of tourism in modern world. As a result, the study found that the tourism elements in prophet's history are divided into two main elements. The first main element of travel aims for recreation, namely the event of isolation in Hira' cave and the event of Israk Mikraj. Second, a non-recreational element such as job hunting, bussiness, religious activity, security guarantees, grave pilgrimage, quest of knowledge, hajj, umrah, messengers and marriage. An in-depth understanding of the elements of tourism based on Prophet's sirah is an important effort to elevate his legacy as a role model in all matters even in tourism activities.*

Keywords: *Tourism, Traveling, Settling, al-Rahiq al-Makhtum, Recreation.*

#### **Abstrak**

*Pertubuhan Pelancongan Dunia mendefinisikan pelancongan sebagai sebarang aktiviti yang melibatkan proses kembara dan menetap di sesebuah tempat yang berada di luar persekitaran mereka dalam tempoh kurang setahun sama ada bertujuan rekreasi, perniagaan atau tujuan-*

tujuan lain. Definisi yang umum ini dilihat sangat menepati konsep pelancongan dalam Islam yang dirangkumkan dalam istilah tertentu seperti *al-siyahah*, *al-rihlah*, *al-safar* dan *al-ziarah*. Dalam konteks sejarah dan peradaban Islam, aktiviti pelancongan berasaskan definisi yang disebutkan tadi bukanlah sesuatu yang asing. Bahkan ia telah wujud sekian lama serta menjadi sebahagian dari gaya hidup Nabi SAW dan masyarakat Islam silam. Justeru kajian ini akan menumpukan terhadap unsur-unsur pelancongan yang wujud dalam sirah Nabi SAW secara umum. Kajian berbentuk kualitatif ini dibuat dengan merujuk kepada kitab sirah *al-Rahiq al-Makhtum* karangan Safi al-Rahman al-Mubarakfuri. Maklumat-maklumat yang diperolehi kemudian dianalisis secara induktif dengan menjadikan unsur-unsur pelancongan yang wujud dalam dunia moden sebagai satu perbandingan. Hasilnya, kajian mendapati bahawa elemen pelancongan dalam sirah nabawiyah oleh dibahagikan kepada dua elemen utama. Pertamanya elemen kembara yang bertujuan rekreasi iaitu peristiwa pengasingan diri di Gua Hira dan peristiwa Israk Mikraj. Kedua, elemen kembara yang tidak bersifat rekreasi seperti mencari pekerjaan, perniagaan, agama, jaminan keselamatan, ziarah kubur, menuntut ilmu, haji, umrah, menghantar utusan dan perkahwinan. Pemahaman yang mendalam terhadap unsur-unsur pelancongan dalam sirah nabawiyah ini penting dalam usaha menjadikan Baginda sebagai suri teladan dalam segenap urusan hatta dalam aktiviti pelancongan.

Kata kunci: *Pelancongan, Kembara, Menetap, al-Rahiq al-Makhtum, Rekreasi*

## PENDAHULUAN

Pelancongan berasal daripada perkataan lancong atau melancong, yang membawa maksud melawat sambil melihat-lihat (bersenang-senang) (Kamus Dewan, 2010).

Secara etimologinya, istilah lancong ini dikatakan berasal daripada perkataan Cina dan dipinjamkan ke dalam bahasa Melayu. Pertubuhan Pelancongan Dunia (OPD) meluaskan lagi definisi pelancongan atau 'tourism' dengan mentakrifkannya sebagai "*the activities of persons traveling to and staying in places outside their usual environment for not more than one consecutive year for leisure, business and other purposes*" iaitu sebarang aktiviti yang melibatkan proses kembara dan menetap di sesebuah tempat yang berada di luar persekitaran mereka dalam tempoh kurang setahun sama ada bertujuan rekreasi, perniagaan atau tujuan-tujuan lain. (UNWTO, 2019).

Ini bermakna, sebarang aktiviti perjalanan yang meninggalkan tempat kebiasaan turut dikira melancong

sekalipun ia tidak bertujuan rekreasi atau kerehatan. Ia sangat menepati definisi pelancongan dalam Islam yang mana merangkumi beberapa tertentu seperti *al-siyahah*, *al-rehlah*, *al-safar* dan *al-ziarah* yang bermaksud kembara, merantau, berjalan, bercuti, ziarah, berpergian, melawat dan lain-lain (Al-Khudairy, 2006).

Pemahaman tentang unsur pelancongan dalam sirah nabawiyah ini sangat penting bagi membetulkan sudut pandang umat Islam terhadap aktiviti pelancongan. Kebanyakan masyarakat hanya menganggap ia sebagai aktiviti santai dan kerehatan semata-mata dan tidak dapat mengaitkannya dengan keperluan dan tuntutan agama. Hasilnya, perjalanan yang dilakukan ketika melancong menjadi kurang bermanfaat serta tidak meningkatkan rasa *al-taqarrub* (mendekatkan diri) kepada Allah SWT.

Hakikatnya, slam merupakan agama yang sangat menggalakkan umatnya keluar mengembara untuk

beberapa tujuan tertentu untuk meningkatkan keimanan sebagaimana disebutkan dalam beberapa ayat seperti surah al-Mulk ayat 15, al-An'am ayat 11, al-Naml ayat 69, al-Rum ayat 9, al-Rum ayat 42, al-Imran ayat 137, Yusuf ayat 9, Luqman ayat 31, Muhammad ayat 10 dan al-Hajj ayat 46.

Jika ditelusuri sejarah Islam, aktiviti pelancongan berasaskan definisi yang disebutkan oleh Pertubuhan Pelancongan Dunia sebelumnya bukanlah sesuatu yang asing. Bahkan aktiviti kembara pertama dalam sirah Islam dikatakan bermula dengan Nabi Adam a.s. ketika diperintahkan oleh Allah SWT untuk bertemu dengan malaikat sebagaimana disebut dalam hadis riwayat Bukhari dan Muslim, "*Pergilah dan ucapkanlah salam kepada mereka (malaikat yang sedang duduk), maka dengarlah apa yang akan mereka ucapkan salam penghormatan kepada kamu. Sesungguhnya itulah salam penghormatan buatmu dan keturunanmu*".

Para ulama mengatakan bahawa ucapan 'pergilah dan ucapkanlah salam kepada mereka' menunjukkan bahawa para malaikat ketika itu berada berjauhan daripada Adam a.s. Ia juga menjadi dalil dituntutnya bermusafir untuk mendapatkan sesuatu ilmu. Nabi Adam juga mengembara serata dunia mencari Hawa setelah dicampakkan ke Bumi. Ibnu Katsir ada menukilkan pandangan Imam al-Suddi yang mengatakan bahawa ketika diturunkan ke bumi, Nabi Adam a.s. diturunkan di India manakala Hawa di Jeddah. Mereka dipertemukan semula di Jabal Rahmah, Arafah. (Ibn Katsir, 1999).

Kisah-kisah pengembaraan para Nabi yang lain juga diceritakan panjang lebar dalam al-Quran seperti Nabi Ibrahim kembara bersama Siti Hajar dan meninggalkannya di padang pasir Makkah dalam surah Ibrahim ayat 37, Nabi Musa mengembara merentas padang pasir dengan Yusyak bin Nun untuk berguru dengan Nabi Khidir dalam surah al-Kahfi ayat 62, Nabi Musa mengembara pula bersama Nabi Khidir untuk menuntut ilmu dalam surah al-Kahfi ayat 66, Nabi Yusuf dibawa kembara semasa kecil

sehingga dipenjarakan dan akhirnya dilantik menteri kewangan Mesir dan Nabi Sulaiman dianugerahkan mukjizat ditundukkan angin dan jin sehingga mampu kembara ke serata dunia dengan mudah. (Abdul Wahab Md. Ali *et. al*, 2019).

Dalam kajian kontemporari pula, pelancongan dibahagikan kepada beberapa elemen tertentu seperti pelancongan eko, pelancongan agro, pelancongan pendidikan, pelancongan kesihatan, pelancongan inap desa, pelancongan perniagaan, pelancongan sukan, pelancongan tapak warisan, pelancongan teknologi, pelancongan budaya dan pelancongan agama. Elemen-elemen yang ada ini menjadikan sesebuah tempat itu menjadi tumpuan para pelancong ke situ. Contoh bagi elemen-elemen pelancongan moden menurut Abdul Wahab Md. Ali (2019) adalah sebagaimana berikut:

Bil.	Elemen	Contoh
1	Pelancongan Eko	Gunung Everest, Taman Negara, Tasik Kenyir, Air terjun Sekayu dan Pulau Redang.
2	Pelancongan Agro	Ladang strawberi di Cameron Highland dan kawasan penternakan rusa di Ulu Yam, Selangor.
3	Pelancongan Pendidikan	Universiti al-Azhar, Mesir dan Universiti Oxford, UK.
4	Pelancongan Kesihatan	Pusat pembedahan plastik di Thailand dan Korea.
5	Pelancongan Inap Desa	Inap desa di kawasan Hulu Langat, Selangor.
6	Pelancongan Perniagaan	Pusat jualan borong di China, industri kerepok lekor di Terengganu.
7	Pelancongan Sukan	Piala Dunia di Rusia atau Sukan Olimpik di Tokyo.

8	Pelancongan Tapak Warisan	Maqam diraja di Perak, kota A Famosa di Melaka.
9	Pelancongan Teknologi	Hotel robotik di Henna Hotel, Jepun, Petrosains di KLCC.
10	Pelancongan Budaya	Budaya masyarakat Iban di Sarawak atau masyarakat Orang Asli di Pahang.
11	Pelancongan Agama	Haji dan umrah di Makkah, Thaipusam di Batu Caves, Selangor

Jadual 1: Contoh Elemen Pelancongan Kontemporari

Justeru kajian ini akan menganalisis dengan terperinci terhadap unsur-unsur pelancongan yang wujud dalam sirah Nabi SAW secara umum dan membandingkan elemennya berdasarkan apa yang telah wujud dalam kajian kontemporari. Metode induktif digunakan untuk menghasilkan teori atau konsep pelancongan berasaskan sirah nabawiyyah menerusi dengan menelusuri perjalanan hidup Baginda bermula dari waktu kelahiran di Makkah sehinggalah sebelum detik kewafatan di Madinah.

Metode ini juga digunakan untuk meneliti data-data berkaitan elemen pelancongan untuk melahirkan satu konsep pelancongan kontemporari. Metode deduktif pula dilakukan ke atas teori pelancongan nabawiyyah yang telah dibentuk sama ada peristiwa-peristiwa yang dilalui itu menepati ciri rekreasi atau bukan bersifat rekreasi.

#### **ELEMEN PELANCONGAN DALAM SIRAH NABAWIYYAH**

Secara umumnya, sejarah berkaitan Rasulullah SAW boleh diambil menerusi beberapa sumber seperti al-Quran, al-Sunnah dan kitab-kitab sirah. Menurut Mubarakfuri (2007), pada pemulaannya terdapat beberapa orang cuba mencatat riwayat hidup Rasulullah SAW secara ala kadar berdasarkan apa yang sampai ke pengetahuannya antara mereka seperti Urwah Ibnu al-Zubair (w. 92H), Abari bin 'Othman (w. 105H), Wahab bin Munabbih

(w. 110H), Syarbabil bin Sa'd (w. 123H) dan Ibn Syihab al-Zuhri (w. 124H).

Kemudian timbul pula satu angkatan penyusun riwayat hidup Rasulullah SAW yang terkemuka seperti Muhammad bin Ishaq (w. 152H) kemudian lapisan kedua, antara mereka ialah al-Waqidi (w. 207H) dan Muhammad bin Sa'ad (w. 230H). Ahli sejarah mengatakan bahawa apa yang ditulis oleh Muhammad bin Ishaq merupakan satu-satunya dokumen sejarah Rasulullah SAW yang paling benar dan boleh dipegang tapi ia telah hilang. Kemudian ia diikuti oleh Ibnu Hisyam dan penulis-penulis sirah yang lain.

Seterusnya, antara karangan penting dalam sirah Nabi kontemporari ialah kitab *al-Rahiq al-Makhtum* karangan Safi al-Rahman Mubarakfuri. Kitab ini dijadikan sebagai bahan asas kajian kerana kandungannya yang lengkap serta pujian yang tinggi daripada para ilmuwan Islam sezaman terhadapnya. Perbahasannya juga tidak meleret-leret serta terjamin daripada riwayat-riwayat palsu dan Israiliyat. Kitab ini juga telah menghimpunkan sejumlah besar kitab-kitab sirah silam dan ditulis dengan dengan gaya bahasa yang mudah dan ringkas.

Berdasarkan pengamatan pengkaji, terdapat beberapa elemen pelancongan dalam sirah Nabawiyyah yang boleh dicatatkan menerusi kitab *al-Rahiq al-Makhtum* sebagaimana berikut:

#### **i. Kembara Ke Makkah Mencari Anak Susuan**

Ibn Ishaq telah menyebut: Halimah telah berkata yang ianya telah keluar dari kampung bersama suaminya dan disertai oleh anak kecil yang masih menyusu, beliau keluar bersama-sama wanita-wanita Bani Sa'd, dalam rangka mencari anak-anak susuan dengan katanya: Ini berlaku di tahun kedua di mana kami tidak memiliki apa-apa pun.

Akhirnya sampai juga kami di Kota Makkah mencari anak-anak susuan, setiap dari kami telah diajukan Rasulullah untuk penyusuannya maka setiap orang pula menolaknya iaitu apabila diceritakan

tentang keyatimannya, kerana setiap kami sebagai ibu susu mengharapkan budi baik dari si bapa, setiap kami menyebut-nyebut yatim (Al-Mubarakfuri, 2007). Rujuk juga perbahasannya dalam *Zad al-Maad* oleh Ibn Qayyim (1927).

#### **ii. Kembara Ke Yathrib Menziarahi Kubur Abdullah**

Aminah teringat untuk ke Yathrib menziarahi kubur suaminya, sebagai mengenang dan mengingati kematian itu. Untuk itu, beliau keluar dari Makkah, merentas lima ratus kilometer menuju ke destinasi bersama-sama anak lelakinya yang yatim, diiringi khadamnya Ummu Aiman dan ayah mertuanya Abdul Mutalib (Al-Mubarakfuri, 2007). Rujuk juga perbahasannya dalam *Talqih Fuhum Ahl al-Atsar* (Ibn al-Jawzi, t.th)

#### **iii. Kembara Ke Syam Bersama Bapa Saudaranya Abu Talib**

Setelah usia Rasulullah SAW meningkat dua belas tahun, ada yang mengatakan dua belas tahun dua bulan sepuluh hari, Baginda keluar belayar bersama Abu Talib untuk berniaga di negeri Syam, sehingga apabila sampai ke Basrah, yang merupakan sebahagian dari Syam di dalam daerah Hawran, namun pada ketika itu Basrah adalah salah sebuah negeri, di daerah negeri Arab di bawah taklukan Rom, di sana terdapat seorang paderi bernama Jarjis yang dikenali sebagai Buhaira (Al-Mubarakfuri, 2007). Rujuk juga perbahasannya dalam *Tarikh al-Umam wa al-Muluq* (Al-Thabari, t.th)

#### **iv. Kembara Ke Syam Bersama Maisarah**

Sebaik sahaja perkhabaran mengenai diri Rasulullah SAW dengan keimanan dan kebenaran pertuturan Baginda, serta ketinggian akhlak mulia, tanpa berlengah beliau mengantar utusan, menawarkan kepada Baginda untuk keluar berniaga dengan hartanya ke negeri Syam. Beliau menjanjikan Baginda untuk memberi perkongsian lebih lumayan dari yang biasa diberi kepada peniaga-peniaga lain.

Untuk ke sana, beliau telah menghantar budak suruhannya

mengiringi Rasulullah. Tawaran itu telah diterima oleh Rasulullah dengan baik. Baginda pun keluar ke sana bersama Maisarah budak suruhan Khadijah hingga tiba ke negeri Syam (Al-Mubarakfuri, 2007). Rujuk juga perbahasannya dalam *Sirah Nabawiyah* (Ibn Hisyam, 1955).

#### **v. Keluar Mengasingkan Diri Ke Gua Hira**

Apabila usia Baginda meningkat empat puluh tahun, renungan dan pengamatan Baginda di masanya yang silam, membawa Baginda semakin jauh lagi jurang dan cara pemikiran Baginda dari kaumnya. Ia membuatkan Baginda gemar untuk mengasingkan diri.

Untuk itu, Baginda membawa bekalan dan air untuk maksud ke Gua Hira di Bukit al-Nur dengan jarak dua batu ke bandar Makkah (Al-Mubarakfuri, 2007). Ia adalah sebuah gua yang selesa (panjangnya empat hasta).

#### **vi. Kembara Ke Hirah Untuk Menuntut Ilmu**

Setelah itu al-Nadhr pergi ke al-Hirah. Di sana, beliau mempelajari perbualan raja-raja Parsi, perbualan Rustam dan Aspandiar. Apabila beliau pulang dan mendapati Muhammad sedang mengadakan majlis zikrullah dan peringatan terhadap seksaan hari akhirat, al-Nadhr pun bertindak membuat majlis yang sama dengan katanya: Demi Allah sesungguhnya perbualan Muhammad itu taklah sehebat perbicaraanmu. Dengan itu, beliau pun berseloka tentang hikayat raja-raja Parsi, Rustam dan Aspandiar (Al-Mubarakfuri, 2007). Rujuk juga perbahasannya dalam *Sirah Nabawiyah* (Ibn Hisyam, 1955).

#### **vii. Kembara Ke Habsyah Untuk Mencari Perlindungan**

Pada bulan Syawal tahun kesepuluh kerasulan, Rasulullah telah berkahwin dengan Sawdah binti Zam'ah. Beliau adalah wanita Muslimah yang memeluk Islam terulung. Beliau adalah penghijrah peringkat kedua ke al-Habsyah, suaminya al-Sakran bin Amru telah memeluk Islam dan berhijrah bersama isterinya Sawdah,

tetapi wafat di bumi Habsyah atau selepas pulang ke Makkah.

Setelah selesai idahnya, Rasulullah meminangnya dan berkahwin dengannya. Beliau adalah isteri pertama yang dikahwini Rasulullah selepas peninggalan Khadijah. Selepas beberapa tahun, beliau menghadihkan gilirannya kepada Aisyah RA (Al-Mubarakfuri, 2007). Rujuk juga perbahasannya dalam *Talqih Fuhum Ahl al-Atsar* (Ibn al-Jawzi, t.th).

#### **viii. Kembara Ke Taif Untuk Mencari Sokongan**

Pada bulan Syawal tahun kesepuluh kerasulan bersamaan akhir Jun 619 Masihi, Rasulullah telah keluar ke Taif, yang terletak kurang lebih enam puluh batu dari kota Makkah. Pemergian Rasulullah ke sana dan kepulangan Baginda dari sana adalah dengan berjalan kaki, bersama Baginda ialah suruhannya Zaid bin Harithah (Al-Mubarakfuri, 2007).

#### **ix. Kembara Ke Makkah Untuk Beberapa Tujuan Berbeza**

Kembara ke Makkah untuk urusan haji dan umrah ini berlaku dalam banyak keadaan sama ada melibatkan Nabi sendiri mahupun para Sahabat yang lain. Ia merupakan amalan agama Hanif yang diwarisi daripada Nabi Ibrahim a.s. Semakin hampir dengan musim haji, semakin ramai, orang memasuki kota Makkah, sama ada sebagai pejalan kaki atau menunggang kenderaan yang kekususan dek perjalanan jauh, kedatangan berduyung-duyung dari berbagai-bagai pelusuk, dengan satu tujuan, iaitu mengerjakan ibadat haji, dan untuk memperolehi sesuatu kemanfaatan untuk diri masing-masing, seterusnya untuk mengingati Allah dalam beberapa hari tertentu. Oleh kerana kembara ke Makkah ini sangat banyak, di sini akan disenaraikan sebahagian sahaja daripadanya iaitu:

##### **a. Kembara Suwaid Bin Shamit**

Suwayd bin Samit: Beliau ini adalah seorang penyair yang pintar dari penduduk Yathrib, suku bangsanya

mengelarkan beliau sebagai "al-Kamil" lantaran kecekalan, kcpenyairan, bangsawan dan keturunan beliau, beliau datang ke Makkah untuk menunai ibadat haji dan umrah, Rasulullah berkesempatan bertemu dengan beliau lalu di dakwahnya kepada Islam (Al-Mubarakfuri, 2007). Rujuk juga perbahasannya dalam *Asad al-Ghabah* (Ibn al-Atsir, 2014).

##### **b. Kembara Nabi Dalam Umrah Qadha**

Al-Hakim menyebut dengan katanya: Di dalam beberapa hadith yang mutawatir meriwayatkan bahawa sebaik sahaja menjelang bulan Zulkaedah, Baginda memerintah para sahabat menunaikan umrah yang tertangguh dahulu. Sesiapa yang menyertai perjanjian al-Hudaibiah dahulu tidak boleh mengecualikan diri.

Dengan itu, mereka semua pun keluar menuju ke Makkah terkecuali mereka yang mati syahid. Turut serta ialah sahabat-sahabat yang lain yang ingin mengerjakan umrah pada tahun ini, jumlah semua peserta ialah dua ribu selain kaum wanita dan kanak-kanak (Al-Mubarakfuri, 2007). Rujuk juga perbahasannya dalam *Fath al-Bari* (al-Asqalani, t.th).

##### **c. Kembara Nabi Dalam Haji Wida'**

Pada hari Sabtu empat hari terakhir bulan Zulkaedah, Baginda telah bersiap dengan tunggangannya, mengemas dirinya, memakai minyak rambut dan menyikatnya, mengenakan pakaian dan rida'nya dan menggalas senjatanya.

Selepas sembahyang Zohor, Baginda terus bergerak hinggalah sampai Zul Hulaifah sebelum masuk waktu Asar. Di sana Baginda menunaikan solat sunat dua rakaat dan bermalam (Al-Mubarakfuri, 2007). Rujuk juga perbahasannya dalam *Sirah Nabawiyah* (Ibn Hisyam, 1955).

##### **x. Perjalanan Israk Ke Baitulmaqdis Dan Mikraj Ke Langit**

Dalam tempoh dakwah Rasulullah yang terus bergerak dan mencapai kejayaan di samping penindasan-penindasan, namun

kemenangan sayup-sayup sudah dapat didengar, di saat ini berlakulah peristiwa Israk dan Mikraj. Baginda melihat sekumpulan unta penduduk Makkah dalam perjalanannya.

Pada masa itu Baginda telah menunjukkan mereka unta yang kehilangan itu, dan Baginda telah meminum air dari bekas mereka yang tertutup kemas sedang mereka nyenyak tidur selepas diminum habis Baginda menutup kembali tudungnya, kejadian ini menjadi bukti kebenaran kepada peristiwa Israk dan Mikraj yang diceritakan oleh Rasulullah (Al-Mubarakfuri, 2007). Rujuk juga perbahasannya dalam *Zad al-Maad* (Ibn Qayyim, 1927).

#### **xi. Kembara Ke Madinah Untuk Mengajar Agama**

Setelah selesai pemeteraian baiah dan janji setia serta berakhirnya musim haji, Rasulullah bertindak mengutus bersama-sama dengan mereka yang berbaiah, seorang utusan ke bumi Yathrib dalam rangka mengajar kaum muslimin di sana syariat-syariat Islam serta mendalami masalah agama dan supaya mereka bertugas menyebarkan Islam di kalangan masyarakat yang masih syirik.

Rasulullah memilih tokoh duta ke sana dari kalangan orang muda yang paling awal memeluk Islam, iaitu Mus'ab bin Umair r.a (Al-Mubarakfuri, 2007). Rujuk juga perbahasannya dalam *Sirah Nabawiyah* (Ibn Hisyam, 1955).

#### **xii. Kembara Ke Madinah Untuk Mengikat Perjanjian**

Apabila berita perjanjian ini sampai ke pengetahuan Quraisy timbullah rasa rima, kebimbangan, dan kekesalan, kerana mereka sudah menduga sedalam-dalamnya kesan baiah seperti ini, juga pengaruhnya ke atas harta benda malah nyawa mereka.

Apabila menjelang siang, terus diutuskan perwakilan yang ramai terdiri dari pemuka-pemuka dan kepala samsengnya ke perkhemahan penduduk Yathrib untuk mengemukakan bantahan mereka yang amat sangat terhadap

perjanjian itu. Kata mereka, "Wahai kalian al-Khazraj, sebenarnya sudah sampai ke pengetahuan kami, di mana kamu datang menemui saudara kami itu, dengan hasrat kamu untuk membawanya keluar dari pangkuan kami, malah kami sudah berjanji setia untuk memerangi kamu, demi Allah sesungguhnya tidak satu qabilah Arab pun yang *senang untuk menyaksikan peperangan timbul di antara kami dan mereka, di mana kamu sebahagian darinya*" (Al-Mubarakfuri, 2007). Rujuk juga perbahasannya dalam *Zad al-Maad* (Ibn Qayyim, 1927).

#### **xiii. Kembara Ke Madinah Untuk Berhijrah**

Peristiwa kembara ke Madinah untuk berhijrah juga banyak diceritakan dalam kitab ini. Justeru di sini akan dimuatkan sebahagiannya sahaja (Al-Mubarakfuri, 2007).

##### **a. Kembara Abu Salamah**

Orang terawal melangkah kaki ke Madinah sebagai penghijrah ialah Abu Salamah bersama-sama isteri dan anaknya iaitu setahun sebelum Baiah al-'Aqabah al-Kubra. Ini adalah mengikut riwayat Ibnu Ishak. Setelah beliau membuat keputusan untuk berhijrah, mertuanya Ummu Salamah mendapatkan kembali anaknya dari keluarga suaminya, terus beliau keluar menuju ke Madinah, perjalanan kira-kira lima ratus kilometer. Tiada siapa pun dari makhluk Allah menemaninya (Al-Mubarakfuri, 2007).

##### **b. Kembara Uthman Bin Thalhah Menemani Ummu Salamah**

Namun sebaik sahaja beliau (Ummu Salamah) sampai ke "al-Tan'im", Uthman bin Thalhah menemuinya. Kerana mengetahui perihalnya, beliau menawarkan diri untuk menemaninya hingga ke Madinah.

Sesampainya mereka di Quba', kata Uthman: "Suami kamu berada di kampung ini, ayuh segera ke sana dengan keberkatan Allah." Dengan itu beliau berpatah balik ke Makkah (Al-Mubarakfuri, 2007).

**c. Kembara Nabi Dan Abu Bakar**

Rasulullah meninggalkan rumahnya pada malam 27 bulan Safar tahun keempat belas kebangkitan baginda bersamaan 12 atau 13 September tahun 622 Masihi. Baginda tiba ke rumah temannya Abu Bakar yang merupakan manusia yang paling dipercayai oleh Rasulullah, untuk persahabatan dan hartanya. Kemudian mereka berdua beredar keluar dari rumah Abu Bakar dari pintu belakang, untuk lari dari Makkah secepat mungkin dan sebelum fajar menyingsing (Al-Mubarakfuri, 2007).

**d. Kembara Bangsa Yahudi Dari Hijaz Ke Madinah**

Adapun kelompok ketiga ialah kaum Yahudi, sejarah awal, mereka ini berhijrah ke bumi Hijaz pada zaman penindasan Asyuri dan Rumawi sebagaimana yang kita perkatakan sebelum ini. Mereka ini adalah kelompok Ibrani. Perpindahan mereka ke bumi Hijaz telah mengubah budaya hidup dan tamadunnya kepada budaya dan tamadun bangsa Arab, pakaian Arab, nama kabilah dan individu mereka kepada nama-nama Arab. Malah hingga berlaku hubungan kekeluargaan dan perkahwinan dengan orang-orang Arab (Al-Mubarakfuri, 2007).

**e. Kembara Dari Habsyah Ke Madinah Untuk Bertemu Nabi**

Semasa peperangan Khaibar Jaafar bin Abi Talib bersama-sama sahabatnya dan orang-orang al-Asy'ari keluarga Abu Musa bersama-sama sahabatnya pun tiba dari hijrah mereka ke Habsyah.

**xiv. Operasi Rondaan Ketika Badar**

Maka dilancarkan operasi ketenteraan secara berkesan, iaitu selepas turunnya kebenaran untuk berperang, pada mulanya operasi ini dalam bentuk pergerakan ketenteraan yang lebih merupakan rondaan meninjau, tujuannya adalah seperti yang kita sebutkan itu, iaitulah meninjau dan mengenali jalan-jalan di sekitar Madinah dan laluan yang menghubungkan Makkah (Al-Mubarakfuri, 2007).

**xv. Kembara Ke Beberapa Tempat Untuk Berperang**

**a. Perang Badar**

Rasulullah bergerak dengan tenteranya yang tidak bersiap-sedia untuk berperang, sehingga keluarlah dari kawasan al-Madinah, dan terus berjalan hingga ke jalan utama ke Makkah, hingga sampai ke daerah al-Rawha (Al-Mubarakfuri, 2007).

**b. Perang Muktah**

Peperangan Mu'tah ini merupakan peperangan terbesar, padanya berlaku pertempuran yang sengit dan berat, peperangan yang berdarah, yang pernah diharungi oleh tentera Islam khusus semasa hayat Rasulullah SAW.

lanya merupakan sebagai muqadimah dan persiapan kepada pembukaan-pembukaan Islam ke atas bumi-bumi Nasara, peristiwa berlaku di bulan Jamadilawal di tahun kelapan (8) Hijrah, bersamaan bulan Ogos atau September tahun 629 Masihi. Mu'tah sebuah kampung terletak di bahagian bawah daerah Balqa' di negeri al-Syam di antara Balqa' dan Baitul Muqaddis, dua marhalah (Al-Mubarakfuri, 2007).

**xvi. Kembara Ke Negara Lain Sebagai Utusan**

Rasulullah memilih dari kalangan sahabatnya yang berpengetahuan lagi berpengalaman sebagai utusan-utusan, mereka diutuskan kepada raja-raja. Al-Allamah al-Mansurfuri telah memastikan bahawa Rasulullah menghantar mereka semua pada awal Muharam tahun ketujuh (7) beberapa hari sebelum baginda keluar ke Khaibar (Al-Mubarakfuri, 2007). Rujuk juga perbahasannya dalam *Dalail al-Nubuwwah* (al-Bayhaqi, 1988)

**ANALISIS KEMBARA DALAM KITAB AL-RAHIQ AL-MAKHTUM**

Jika dilihat dari rentetan peristiwa sebagaimana susunan al-Mubarakfuri, kembara bermula dengan perjalanan Halimah al-Saadiah mencari anak susuan. Dalamnya terkandung elemen pelancongan pekerjaan. Dalam kembara



Nabi SAW dan ibunya Siti Aminah ke Yathrib, ia adalah pelancongan ziarah makam. Kembara Nabi SAW ke Syam bersama Abu Talib dan Maisarah mempunyai elemen pelancongan perniagaan.

Seterusnya perjalanan Nabi SAW mengasingkan diri ke Gua Hira walaupun masih dalam kawasan Makkah dikira kembara kerana kedudukannya yang jauh dan membawa bekalan (kira-kira dua batu atau 3.2 km dari ibu kota). Ia mengandungi beberapa unsur pelancongan seperti pelancongan eko kerana tempat tujuannya adalah sebuah gua yang tenang.

Ia mengandungi unsur pelancongan pendidikan dan agama kerana Nabi SAW mendatangi tempat tersebut untuk mencari ketenangan dan kebenaran untuk kali pertama seterusnya untuk menunggu kedatangan Jibril menyampaikan wahyu pada kali yang kedua.

Perjalanan orang kafir Quraisy seperti al-Nadhr ke Parsi untuk mendalami ilmu falsafah bagi menentang dakwah Nabi SAW pula dikira sebagai pelancongan pendidikan kerana Parsi ketika itu terkenal dengan kehebatan dalam ilmu-ilmu falsafah.

Kembara sebahagian Sahabat Nabi ke Habsyah pula dikira sebagai pelancongan politik atau mencari jaminan keselamatan kerana Habsyah ketika itu sememangnya sebuah negara yang dipimpin oleh seorang raja yang baik serta mementingkan keadilan dan nilai kemanusiaan.

Perjalanan Nabi SAW ke Taif pula adalah pelancongan agama yang bertujuan untuk menyampaikan dakwah Islam serta untuk mencari sokongan. Tetapi kedatangan Nabi SAW tidak diterima dan Nabi SAW pulang kembali ke kota Makkah. Kembara seterusnya adalah perjalanan orang-orang Arab, para Sahabat dan Nabi SAW sendiri mengunjungi Kaabah di Makkah.

Ia mempunyai pelbagai tujuan seperti untuk menunaikan haji, umrah, pembukaan kota Makkah, perniagaan dan lain-lain. Justeru monumen Kaabah di

Makkah itu menjadi tarikan utama dan boleh digelar sebagai pelancongan tapak warisan, pelancongan perniagaan dan pelancongan agama.

Peristiwa Israk dan Mikraj pula boleh dikatakan sebagai pelancongan yang betul-betul menepati definisi bersiar-siar atau berunsurkan rekreasi sebagaimana definisi yang disebutkan dalam Kamus Dewan.

Ini kerana peristiwa ini berlaku adalah untuk menenangkan atau menggembirakan hati Nabi SAW setelah melalui pelbagai penderitaan sebelumnya iaitu kematian isteri Baginda, Khadijah binti Khuwailid, kematian bapa saudara Baginda Abu Talib serta peristiwa dihalau keluar dari kota Taif serta tidak diberikan keizinan untuk memasuki kota Makkah setelah pulang dari Taif.

Israk Mikraj mengandungi elemen pelancongan eko kerana beberapa tempat yang dilawati Nabi dalam perjalanan Israk iaitu Gunung Sinai (tempat munajat Nabi Isa) dan Bait al-Laham (tempat kelahiran Nabi Isa). Ia juga mengandungi unsur pelancongan agro kerana Nabi turut singgah solat di sebuah tempat yang mengandungi tanah hitam yang subur iaitu Kota Yathrib.

Wujud juga elemen tapak warisan apabila Nabi dibawa ke Masjid al-Aqsa yang menjadi tempat bersejarah agama Islam, Nasrani dan Yahudi. Begitu juga unsur pendidikan dan agama yang mana Nabi SAW diperlihatkan pelbagai azab-azab seksaan serta dibawa bertemu Allah untuk menerima amalan solat.

Antara peristiwa terbesar dalam sirah Nabi SAW ialah peristiwa hijrah ke Madinah. Hijrah ini mempunyai beberapa fasa dan tujuannya. Ia bermula dengan kembara beberapa orang Sahabat yang dihantar untuk mengajarkan ilmu kepada penduduk Madinah (pelancongan pendidikan), kemudian kembara orang Quraisy ke Madinah untuk mengikat perjanjian bagi menghalang proses penghijrahan (pelancongan politik), kembara orang Islam dan Nabi SAW sendiri ke Madinah yang mempunyai beberapa elemen seperti pelancongan politik, agama, agro dan pendidikan.

Seterusnya ialah kembara untuk perisikan maklumat, berperang dan sebagai duta Islam ke negara-negara jiran. Ia adalah kembara terbanyak yang disebutkan dalam kitab-kitab sirah bermula dengan peperangan Badar dan berakhir dengan ekspedisi ketenteraan yang dipimpin oleh Usamah bin Zaid bagi memerangi Rom. Di dalamnya wujud beberapa elemen seperti pelancongan politik dan agama. Ringkasan peristiwa-peristiwa ini adalah sebagaimana jadual berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Peristiwa</b>	<b>Elemen</b>	<b>Kategori</b>
1	Kembara ke Makkah mencari anak susuan	Pekerjaan	Bukan rekreasi
2	Kembara ke Yathrib menziarahi kubur Abdullah	Ziarah	Bukan rekreasi
3	Kembara ke Syam bersama bapa saudaranya Abu Talib	Perniagaan	Bukan rekreasi
4	Kembara ke Syam bersama Maisarah	Perniagaan	Bukan rekreasi
5	Kembara mengasingkan diri ke Gua Hira	Eko, Pendidikan, Agama	Rekreasi
6	Kembara ke Hirah untuk menuntut ilmu	Pendidikan	Bukan rekreasi
7	Kembara ke Habsyah untuk mencari perlindungan	Politik	Bukan rekreasi
8	Kembara ke Taif untuk berdakwah dan meminta sokongan	Politik, Agama	Bukan rekreasi
9	Kembara ke Makkah untuk haji umrah	Perniagaan, Tapak Warisan, Agama	Rekreasi dan Bukan rekreasi
10	Perjalanan Israk ke Baitulmaqdis dan Mikraj ke langit	Tapak Warisan, Eko, Agro, Pendidikan, Agama	Rekreasi
11	Kembara ke Madinah untuk mengajar agama	Pendidikan	Bukan rekreasi
12	Kembara ke Madinah untuk mengikat perjanjian	Politik	Bukan rekreasi
13	Kembara ke Madinah untuk berhijrah	Pendidikan, Agro, Agama, Politik	Rekreasi dan bukan rekreasi
14	Kembara sekitar Madinah dan Makkah untuk operasi rondaan ketenteraan	Agama	Bukan rekreasi
15	Kembara ke beberapa tempat untuk berperang	Agama	Bukan rekreasi
16	Kembara ke negara-negara lain sebagai utusan	Politik, Agama	Bukan rekreasi

Jadual 2: Elemen Pelancongan dalam Sirah Nabawiyah

## RUMUSAN

Berdasarkan peristiwa-peristiwa yang disebutkan di atas, elemen-elemen pelancongan yang wujud dalam sirah Nabawiyah boleh dikategorikan kepada dua bahagian. Pertamanya ialah kembara yang melibatkan unsur rekreasi atau ketenangan dan kerehatan. Keduanya ialah kembara yang tidak melibatkan unsur rekreasi sebaliknya hanya bersifat pergerakan dari suatu tempat ke tempat yang lain bagi suatu tempoh masa tertentu untuk tujuan tertentu.

Bagi elemen pertama, ia boleh diperhatikan dalam dua keadaan iaitu ketika Nabi SAW keluar beberapa bulan ke Gua Hira dan ketika peristiwa Israk dan Mikraj. Bagi elemen kedua pula, ia boleh dilihat dalam peristiwa-peristiwa yang selain kedua-duanya.

Ini jelas membuktikan bahawa tidak wujud dalam sirah Nabi SAW, suatu perjalanan atau kembara yang hanya sekadar untuk berehat-rehat dan makan angin tanpa ada sebarang kaitan dengan agama mahupun tujuan-tujuan yang lain. Hatta dalam peristiwa Israk Mikraj sekalipun, ia adalah suatu perjalanan yang direncanakan oleh Allah SWT sendiri bukannya menurut rancangan Nabi SAW. Ia disebutkan dengan jelas dalam al-Quran, "*Maha Suci Allah yang memperjalankan hambanya..*" (Al-Israk: 1) iaitu Allah SWT yang memperjalankan Nabi SAW bukannya Baginda berjalan dengan sendirinya.

Justeru pada akhirnya, kita tidak dapat nafikan kebenaran bahawa perjalanan hidup Nabi SAW tidak dapat lari dari unsur pelancongan atau kembara. Cumanya kembara baginda bukan hanya sekadar makan angin atau kerehatan semata-mata tetapi mempunyai elemen-elemen berbeza yang mana pada penghujungnya membawa kepada matlamat yang satu iaitu menegakkan syiar Islam. *Wallahu a'lam.*

## RUJUKAN

Abdul Wahab Md. Ali *et. al.* 2019. *Pengurusan Makanan dan Pelancongan Islam*. Kuala Berang: Pustaka Paloh Nyior.

- Al-'Asqalani, Ibn Hajar. t.th. *Fath al-Bari*. Kaherah: Maktabah al-Salafiyyah.
- Al-Bayhaqi, Ahmad bin Husayn. 1988. *Dala'il Al-Nubuwwah*. Bayrut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Ibn Al-Athir. 2014. *Asad Al-Ghabah Fi Ma'rifah Al-Sahabah*. Lubnan: Dar Ibn al-Hazm.
- Ibn Hisyam, Muhammad Ibn 'Abd Al-Malik. 1955. *Al-Sirah Al-Nabawiyah*. Kaherah: Matba'ah Mustafa Bab al-Halabi.
- Ibn Al-Jawzi. 1997. *Talqih Fuhum Ahl Athar*. Bayrut: Dar Al-Arqam Ibn Abi Al-Arqam.
- Ibn Kathir, Isma'il bin 'Umar. 1999. *Tafsir Al-Qur'an Al-'Azim*. Kaherah: Dar Al-Tiba'ah Li Al-Nashr Wa Al-Tawzi'.
- Ibn Qayyim. 1927. *Zad Al-Ma'ad*. Kaherah: Matba'ah Al-Misriyyah.
- Al-Khudayri, 'Abdullah bin Ibrahim. 2006. *Al-Siyahah Fi Al-Islam: Ahkamuhuha, Dawabituha, Atharaha*. Saudi: Universiti al-Imam Muhammad Ibn Sa'ud.
- Kamus Dewan. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Al-Mubarakfuri, Safi Al-Rahman. 2007. *Al-Rahiq Al-Makhtum*. Mansurah: Dar Al-Wafa' Li Al-Tiba'ah Wa Al-Nashr Wa Al-Tawzi'.
- Al-Tabari, Muhammad bin Jarir. t.th. *Tarikh Al-Umam Wa Al-Muluk*. Kaherah: Dar Al-Maarif.
- World Tourism Organization. 2019. *International Tourism Highlights, 2019 Edition*. Madrid: UNWTO. DOI: <https://doi.org/10.18111/9789284421152>

## Penafian

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Perdana: International Journal of Academic Research tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*